



**PERSATUAN JURUANALISA SISTEM SEKTOR AWAM**  
**(Systems Analyst Association For Public Sector)**

No. Pendaftaran: 262/86 (W.P)

Email: [ajk@perjasa.org.my](mailto:ajk@perjasa.org.my) URL : <http://perjasa.org.my>

Rujukan Kami : PERJASA(262/86)SU/1/2002 Jld.5 (83)

Tarikh : 19 Mei 2013

Semua Ahli Persatuan Juruanalisa Sistem Sektor Awam  
(PERJASA)

YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**MESYUARAT AGUNG KE-22 PERSATUAN JURUANALISA SISTEM SEKTOR  
AWAM TAHUN 2015**

Dengan hormat saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Juruanalisa Sistem Sektor Awam (PERJASA) akan mengadakan Mesyuarat Agung Ke-22 Persatuan Juruanalisa Sistem Sektor Awam (PERJASA) Tahun 2015 seperti ketetapan berikut:

Tarikh : **28 Mei 2015 (Khamis)**

Masa : **8.30 pagi**

Tempat : **Hotel Bangi-Putrajaya**

(Dahulunya dikenali sebagai Hotel Equatorial Bangi)

**Grand Ballroom**

**Off Jalan Bandar**

**43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**

3. Mesyuarat Agung kali ke-22 ini amat penting bagi menentukan halatuju PERJASA kerana **pemilihan Jawatankuasa Kerja bagi Sesi 2015-2017 akan diadakan**. Bersama-sama dengan ini disertakan agenda Mesyuarat Agung seperti di **Lampiran 1**. YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan yang mempunyai usul dalam Mesyuarat Agung hendaklah **mengemukakan secara bertulis kepada Encik Syahmi bin Yusop (syahmi.yusop@jpa.gov.my) tidak lewat dari 20 Mei 2015 (Rabu) jam 12.00 tengah hari**. Format usul adalah seperti di **Lampiran 2**. Sukacita diingatkan bahawa **pemberi usul perlu membentangkan sendiri usul yang dikemukakan semasa mesyuarat** tersebut.

4. Selaras dengan pengiktirafan PERJASA sebagai salah satu pertubuhan di bawah Perintah Am 45, Perintah-perintah Am Bab C Tahun 1974 (Cuti), YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan selaku ahli PERJASA boleh memohon pertimbangan untuk kelulusan cuti tidak berekod bagi menghadiri Mesyuarat Agung berlandaskan surat rujukan JPA SARAAN (S)43/45 Klt.4 (13) bertarikh 30 Mei 2014 sebagaimana di **Lampiran 3** di atas. Urusan mendapatkan sokongan dan kelulusan cuti adalah tanggungjawab YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan berdasarkan kepada pematuhan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa.

**EXCO 2013-2015**

**Presiden**

*Azlina binti Azman*  
JPA

**Naib Presiden**

*Nor Sukri bin Ismail*  
JPN

**Setiausaha**

*Salmiza binti Shahrman*  
JPA

**Bendahari**

*Masitah binti Abd Kadir*  
JAS

**Timb. Setiausaha**

*Khairul Azrin bin Khairudin*  
MAMPU

**Ahli Jawatankuasa**

*Razale bin Ibrahim*  
STATS

*Mohd Naim bin Mohd Ibrahim*  
KDN

*Chua Swee Suan*  
JPA

*Hashim bin Ab. Rahman*  
MaCGDI

*Rahayu binti Shafie*  
KKM

*Ruzila Jusoh*  
JKKP, KSM

*Syahmi bin Yusop*  
JPA

*Hazliana binti Talhar*  
ISTIADAT

*Ummar bin Yusoff*  
JMM

**Pemeriksa Kira-Kira**

*Rozila binti Megat Othman*  
KWP

*Saiful Bahari bin Mohd Sabtu*  
MINDEF

5. Setelah selesai Mesyuarat Agung, program PERJASA pada 28 Mei 2015 akan diteruskan dengan dua (2) acara lain iaitu *Sharing Session* atau Sembang Senior PTM dan diakhiri dengan 30<sup>th</sup> *Anniversary Dinner* atau Majlis Makan Malam PERJASA. Maklumat lanjut berkaitan dua (2) program ini akan dimaklumkan melalui hebahan dan promosi di laman web dan Facebook PERJASA. Sehubungan itu, bagi pihak Jawatankuasa Kerja PERJASA saya dengan rendah diri memohon kerjasama dan jasa baik YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan **untuk mewar-warkan Program 3 dalam 1 pada 28 Mei 2015 kepada semua ahli PERJASA.** Pohon jua perhatian dan bantuan YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan untuk mengesahkan kehadiran melalui URL <http://bit.ly/agmperjasa>

6. Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Semoga kehadiran YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan akan mengeratkan silaturrahim sesama ahli-ahli PERJASA dan bermanfaat kepada semua.

Sekian, terima kasih.



**(SALMIZA SHAHRIMAN)**

Setiausaha PERJASA

Sesi 2013-2015